



Permodalan Nasional Berhad

KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
16 Januari 2020**

PNB UMUM BARISAN KEPIMPINAN BAHARU

Kuala Lumpur, 16 Januari 2020: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan barisan kepimpinan baharu dan persaraan Timbalan Presiden, Pelaburan Strategik serta pelantikan Ketua Perbendaharaan Kumpulan.

Setelah berkhidmat selama lebih 36 tahun bersama PNB, Datin Paduka Kartini Haji Abdul Manaf telah bersara daripada jawatannya, Timbalan Presiden, Pelaburan Strategik berkuat kuasa 1 Januari 2020. Sepanjang tempoh perkhidmatan di PNB, beliau telah memegang pelbagai jawatan dan terlibat dalam bidang-bidang berkaitan pengurusan pelaburan dan kewangan korporat, penggabungan dan pengambilalihan, penstrukturan korporat, pelaburan hartanah serta pembangunan perniagaan. Sebelum memegang jawatan terakhirnya di PNB, Datin Paduka Kartini merupakan Ketua Pegawai Strategi, dan telah menerajui pejabat Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan.

Dengan persaraan beliau, bahagian Pelaburan Strategik dan bahagian Pasaran Persendirian yang sebelum ini berada di bawah bidang kuasa Datin Paduka Kartini, akan melapor terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Encik Jalil Rasheed.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Datin Paduka Kartini adalah ahli pengurusan kanan PNB yang telah lama berkhidmat dan turut memacu pelaksanaan banyak usaha penggabungan dan pengambilalihan utama di PNB. Beliau juga telah memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan kukuh bersama syarikat-syarikat pelaburan PNB. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan keluarga PNB, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datin Paduka Kartini atas sumbangan berharga beliau kepada Kumpulan PNB. Kami mengucapkan selamat maju jaya dan akan terus bekerjasama dengan beliau sebagai Pengarah Nomini PNB di beberapa syarikat pelaburan kami.”

Bagi meningkatkan kecekapan operasi di seluruh organisasi dan memperkukuhkan tahap prestasi, PNB telah memperkemaskan struktur organisasi bagi mencerminkan fungsi asas unit perniagaannya dalam usaha mencontohi amalan syarikat pengurus aset global terkemuka.

Dengan itu, di samping Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, kepimpinan PNB kini diterajui 16 pengurusan kanan yang masing-masing mengetuai fungsi teras perniagaan PNB seperti berikut:-

1. Encik Jalil Rasheed, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
2. Dato' Mohd Nizam Zainordin, Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
3. Puan Hanizan Hood, Ketua Pegawai Pelaburan, Pasaran Awam
4. Encik Rick Ramli, Ketua Pegawai Pelaburan, Hartanah
5. Encik Mohammad Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB
6. Encik Mohamad Idros Mosin, Ketua Pelaburan Strategik Kumpulan
7. Encik Mohd Irwan Ahmad Mustafa @ Mustafa, Ketua Pasaran Persendirian Kumpulan
8. Encik Fadzhahan Abbas Mohamed Ramlee, Ketua Pegawai Strategi
9. Encik Hafizuddin Sulaiman, Ketua Perbendaharaan Kumpulan
10. Puan Adibah Khairiah Ismail @ Daud, Ketua Setiausaha Syarikat & Undang-Undang Kumpulan
11. Encik Aziz Anuar, Ketua Hal Ehwal Awam Kumpulan
12. Encik Muzzaffar Othman, Ketua Pegawai Teknologi
13. Puan Aida Md Daud, Ketua Modal Insan Kumpulan
14. Puan Suzana Ahmad, Ketua Pegawai Risiko
15. Cik Fairuz Suzana Hj. Kamaruddin, Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan
16. Encik Noramly Bachok @ Abdul Aziz, Ketua, Asurans Dalaman
17. Dr. Ahmad Basri Ibrahim, Ketua, Pengurusan Syariah

Menyertai barisan kepimpinan PNB ialah Hafizuddin Sulaiman bagi mengetuai bahagian Perbendaharaan yang baru diwujudkan. Beliau bertanggungjawab ke atas pengurusan modal dan kecairan bagi keseluruhan perniagaan, termasuk penjanaaan dana dan pengurusan liabiliti. Fungsi baharu ini diwujudkan selari dengan strategi kepelbagaian portfolio PNB, termasuk usaha untuk meningkatkan pendedahan pelaburan global. Hafizuddin memiliki pengalaman luas dalam penjanaaan dana dan pelaporan kewangan semasa berkhidmat di Khazanah Nasional Berhad dan Ernst & Young Kuala Lumpur.

“Dengan matlamat memperkukuhkan keupayaan PNB untuk terus memberi pulangan mampan kepada pemegang unit, perubahan ini akan membantu kami menguatkuasakan cara kerja yang lebih kolaboratif di seluruh organisasi, sekaligus membolehkan kami untuk membuat keputusan dengan lebih efektif tanpa menjejaskan aspek tadbir urus. Pada masa yang sama, perubahan ini juga membantu kami membina barisan modal insan bagi melaksanakan Pelan Strategik PNB dengan visi untuk menjadi syarikat pelaburan distinktif bertaraf dunia,” jelas Tan Sri Dr. Zeti.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Barisan Kepimpinan, imbas kod QR atau sila layari <https://bit.ly/38dM7pD>



Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad